

Bab 6

Peranan Orang Cina dalam Ekonomi Selatan Vietnam

Pendahuluan

Kebanyakan orang Cina yang tinggal di bandar-bandar seperti Thuan Hoa, Hoian, Bien Hoa, Saigon, Cholon, Mytho dan Hatien di selatan Vietnam adalah terdiri daripada pedagang. Kehandalan dan bakat orang Cina dalam perdagangan telah membangunkan ekonomi di kawasan selatan Vietnam.

Bagi pihak kerajaan Nguyen, para pedagang Cina ini merupakan kekuatan ekonomi yang sangat penting kepada kerajaan selatan Vietnam. Sehubungan itu, orang Cina telah dilantik oleh pemerintah Nguyen untuk memegang jawatan tertentu dalam bidang perdagangan. Bab ini mengkaji peranan orang Cina dalam memajukan kawasan selatan Vietnam.

Pentadbiran Ekonomi dan Perniagaan Nguyen

Aktiviti ekonomi orang Cina di selatan Vietnam dapat digambarkan melalui penerokaan kawasan baru dan perdagangan terutamanya pada abad ke-17 dan abad ke-18. Peranan dan sumbangan orang Cina dalam ekonomi telah banyak membantu kerajaan Nguyen untuk menjadikan selatan Vietnam sebagai sebuah kerajaan yang kuat dan maju.

Selepas bertapak di Mytho dan Bien Hoa, pasukan tentera Duong Ngan Dich dan Tran Thuong Xuyen meneroka dan menebus guna tanah, membina rumah-rumah

dan kedai-kedai untuk memajukan kedua-dua buah kawasan tersebut. Usaha mereka mendatangkan hasil di mana kapal-kapal perdagangan dari China, Jepun, Eropah dan Java datang berdagang di Mytho dan Bien Hoa. Akhirnya seluruh kawasan Dong Pho di selatan Vietnam menjadi sangat makmur.¹

Golongan Cina yang tinggal di Mytho dan Bien Hoa merupakan kumpulan imigran Cina yang terbesar di Nam Ky (selatan Vietnam). Kebijakan orang Cina dan sumbangan mereka dalam bidang ekonomi akhirnya telah mengasaskan kemakmuran kepada Saigon dan Cholon di selatan Vietnam. Kejayaan orang Cina di selatan Vietnam telah menjadi salah satu elemen utama dalam pembentukan sejarah selatan Vietnam.²

Sementara Mac Cuu dan imigran Cina yang lain yang sama-sama meneroka Hatien sehingga menjadikannya sebuah pelabuhan antarabangsa yang maju telah menarik perhatian para pedagang seberang laut. Kapal-kapal perdagangan asing telah berlabuh di pelabuhan Hatien untuk menjalankan perdagangan. Kemajuan pelabuhan Hatien telah menarik perhatian orang Cina, orang Khmer, orang Vietnam dan pengembara datang dan tinggal di Hatien. Akibatnya jumlah penduduk di Hatien telah bertambah dengan banyak. Pemerintah Nguyen telah membina infrastruktur di bandar, menstrukturkan semula pasukan tenteranya, merekrut pegawai kerajaan dan pegawai rendah, mewujudkan banyak jawatan penasihat untuk golongan elit di Hatien. Hasilnya Hatien menjadi sebuah bandar utama. Orang-orang Cina di Hatien bukan sahaja

¹ Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992, hlm.173.

² 陈荆和, “河仙镇叶镇郑氏家谱注释” (Penerangan Genealogi Keluarga Mac di Hatien), 文学史哲学报, Vol.6, 1956, hlm.78.

membantu kerajaan Nguyen meluaskan tanah jajahannya di selatan Vietnam malah telah menjadikan ekonomi Hatien berkembang pesat dan maju.³

Pemerintah Nguyen juga menerima keuntungan yang lumayan daripada tanah jajahannya. Misalnya, Hatien perlu memberi ufti sebanyak 300 *man* setiap tahun serta 3000 *man* setiap tiga tahun kepada kerajaan Nguyen. Sementara penduduk Cina yang berada di setiap kawasan perlu membayar ufti dan cukai import. Menurut P. Poivre, penduduk Cina di Hoian juga perlu membayar ufti kepada raja. Pada tahun 1698, kerajaan Nguyen dengan senangnya dapat mengutip cukai import yang banyak daripada semua orang Cina di kawasan Gia Dinh.⁴ Daripada cukai-cukai yang dikutip oleh pemerintah Nguyen daripada perdagangan yang dijalankan oleh orang Cina, ia merupakan sumber kewangan yang sangat lumayan kepada kerajaan Nguyen untuk membeli alat senjata untuk menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam. Oleh yang demikian, orang Cina di selatan Vietnam telah memainkan peranan yang sangat penting kepada kerajaan Nguyen.

Pengaruh orang Cina dalam ekonomi juga berkaitan dengan penguasaan mata wang. Keputusan mengeluarkan mata wang adalah di bawah kuasa pemerintah Nguyen Phuc Khoat. Pada tahun 1746, pemerintah Nguyen bersetuju dengan cadangan daripada seorang Cina yang bernama Huang untuk membeli *bach dien* barat untuk membuat mata wang. Tindakan ini telah memudahkan urusan perdagangan pada peringkat awal,

³ Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992, hlm.173.

⁴ Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992, hlm.173.

akan tetapi ia telah membawa malapetaka kepada ekonomi Nguyen kerana membuat mata wang palsu secara haram.⁵

Memandangkan orang Cina memainkan peranan yang penting dalam perdagangan, maka terdapat sebilangan orang Cina telah dilantik untuk memegang jawatan dalam pentadbiran untuk menguruskan perdagangan pada zaman pemerintahan Nguyen di selatan Vietnam. Misalnya Liu Qing yang memegang jawatan *Cai Phu* yang bertanggungjawab untuk menguruskan perdagangan asing seperti yang dicadangkan oleh Da Shan. Sementara menurut catatan jurnal P. Poivre yang ditulis di Thuan Hoa, beliau juga mengatakan bahawa pegawai rendah mandarin yang terdiri daripada orang *Minh Huong* akan memeriksa penyata kewangan China.⁶

Selain itu, Khong Thien Nhu yang juga dikenali sebagai Khong Thai Lao Gia (孔太老爷) merupakan bekas pegawai setia dinasti Ming di China yang enggan berkhidmat kepada kerajaan Qing telah berhijrah ke Quang Nam, selatan Vietnam selepas kejatuhan dinasti Ming. Beliau juga merupakan ahli *Thap Lao (Ten Elders)* di kampung *Minh Huong*, Hoian pada abad ke-17.⁷

Menurut laporan Nguyen Thieu Lau (sejarawan Vietnam) yang berkaitan dengan *Thap Lao* dan *Tam Gia* :

⁵ Ibid., hlm.174.

⁶ Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992, hlm.174.

⁷ Inskripsi di tokong Minh Huong Tuy Tien Duong di Hoian, Vietnam.

At first there were ten Ming Chinese, native of Phuc-kien (Fukien) and Triet-giang (Chekiang) belonging to six clans of Nguy, Ngo, Hua, Thieu, Ngu and Trang, who arrived in Quang-nam escaping from the disturbances following the fall of the Ming dynasty. They were called by the inhabitants of the Minh-huong-xa Thap-lao or Tien-hien, and regarded as founders of their commune. The spot where they left their footmarks for the first time was not Hoi-an, but Thang-binh, 15-16 kilometers south of Hoi-an where they engaged in selling material medica or practicing geomancy. After a certain period, they moved to Tra-nhieu, across the River of Hoi-an, where they built a temple in the honour of the deity, Quan-Thanh (Quan-De).⁸

Nama Khong Thien Nhu yang dikenali sebagai Khong Thai Lao Gia 孔太老爷 juga tercatat pada plat *Tuy Tien Duong Tien Hien Huong Pha Do Ban* 萃先堂前贤乡谱图板 (Tablet bearing the names of our predecessors according to the communal register kept in Tuy Tien Duong) di Minh Huong Thuy Tien Duong, Hoian. selatan Vietnam.⁹

Berdasarkan epigrafi yang ada pada makam Khong Thien Nhu yang terletak di Cam Pho Phuong di Hoian, semasa pemerintahan Nguyen di selatan Vietnam, Khong Thien Nhu pernah dilantik sebagai pegawai *Cai Phu Tau* 该府艚 untuk tempoh masa yang panjang. Jawatan *Cai Phu Tau* bertanggungjawab mengawal jong-jong perdagangan negara asing, menyelia tempat tinggal orang Cina dan pedagang Cina yang baru sampai di Hoian. Menurut *Phu Bien Tap Luc* (Vol.4), pegawai yang bertanggungjawab terhadap perdagangan seberang laut semasa pemerintahan Nguyen adalah dikenali sebagai *Tau Bo* 艚部 atau *Tau Ty* 艚司 di mana pegawai kanannya

⁸ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.42-43.

⁹ Dipetik daripada inskripsi yang terdapat di tokong Minh Huong Tuy Tien Duong di Hoian, Vietnam.

terdiri daripada seorang *Cai Tau*, seorang *Tri Tau*, dua orang *Cai Ba Tau*, dua orang *Cai Phu Tau*, dua orang *Ky Luc Tau* dan dua orang *Thu Tau*.¹⁰

Cai Tau (该艘) merujuk kepada ketua jabatan yang sama dengan gabungan tugas Penyelia Kastam, Pengarah Biro Perdagangan Antarabangsa dan Pengarah Imigresen. Jawatan pegawai tinggi ini biasanya digelar sebagai *Ong Cai Tau* (*Ong* merujuk tanda hormat yang bermaksud encik dalam bahasa Melayu) yang menguruskan segala surat menyurat dan rekod tentang pedagang-pedagang Eropah dan mubaligh yang datang melawat Quang Nam pada abad ke-17 dan abad ke-18.

Menurut Chu Shun Shuei dalam buku beliau yang berjudul *An-nan Kung-yi Chi-shih* (安南供役记事), jawatan *Cai Tau* bertanggungjawab menyelia penduduk Cina dan mengawal hal perkapalan. Biasanya *Cai Ba Tau* (该簿艘) dilantik untuk memegang jawatan tersebut. Biasanya, jawatan *Cai Phu Tau* atau *Ky Luc Tau* dipegang oleh penduduk kampung *Minh Huong* (orang *Minh Huong*) atau pedagang Cina yang tinggal di Hoian. Misalnya pada tahun 1657, orang Cina Hokkien yang dilantik sebagai *Cai Phu* di Hoian. Malah beberapa orang tokoh yang sezaman dengan Khong Thien Nhu telah dicalonkan untuk memegang jawatan tersebut.¹¹

Maka dapat dirumuskan bahawa Khong Thien Nhu yang memegang jawatan *Cai Phu Tau* untuk tempoh masa yang panjang dan telah memberi sumbangan yang besar dalam menjaga kebajikan orang Cina dan penduduk *Minh Huong* di Hoian. Maka beliau

¹⁰ *Phu Bien Tap Lu* (Rekod Pengamanan Orang Gasar), Vol. 4 dan Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.47.

¹¹ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.47-48.

dipandang tinggi dan dihormati oleh komuniti *Minh Huong* sebagai tokoh yang berjasa kepada mereka. Apabila Khong Thien Nhu meninggal dunia pada tahun 1695, pemerintah Nguyen Phuc Chu (*Minh Vuong*, 1691-1725) telah memberi empat ekar tanah untuk mendirikan tokong Khong Thien Nhu untuk memperingati jasa dan perkhidmatan beliau yang cemerlang kepada komuniti *Minh Huong* secara khususnya dan kepada kerajaan selatan Vietnam secara amnya.¹² Ini adalah kerana kebijaksanaan Khong Thien Nhu dalam menjalankan tugasnya sebagai *Cai Phu Tau* telah membantu melicinkan sistem pentadbiran kerajaan Nguyen Phuc Chu di selatan Vietnam.

Selain itu, seorang lagi bekas pegawai dinasti Ming iaitu Chau Lao Gia (周老 斧) yang juga dikenali sebagai Chau Ky Son juga berhijrah ke Quang Nam, selatan Vietnam. Berdasarkan inskripsi makam Chau Ky Son yang terletak di Son Phong Phuong di Hoian, Chau Ky Son pernah berkhidmat kepada kerajaan Nguyen sebagai *Cai Phu Tau* dengan gelaran khas “*Noi Vien*” (内院). Beliau merupakan rakan sekerja Khong Thien Nhu yang bekerja di Jabatan *Tau Ty*, Hoian. Berbanding dengan kes yang lebih kurang sama seperti yang tercatat dalam *Thuc Luc Tien Bien* atau *Liet Truyen Tien Bien*, gelaran “*Noi Vien*” adalah gelaran yang dianugerahkan oleh pemerintah Nguyen kepada tokoh Cina yang berpengaruh dalam ekonomi atau kewangan kepada kerajaan Nguyen. Oleh yang demikian, jawatan “*Noi Vien*” boleh dianggap sebagai penasihat atau kaunselor kepada istana Nguyen.¹³ Chau Ky Son meninggal dunia pada tahun 1694. Perlantikan Chau Ky Son sebagai pegawai tinggi pada zaman pemerintahan Nguyen membuktikan bahawa orang *Minh Huong* yang berkaliber dan berpengalaman dalam bidang pentadbiran telah dilantik sebagai pegawai tinggi di selatan Vietnam. Selain itu,

¹² Ibid.,hlm.48.

¹³ Ibid.,hlm.46.

ia juga menunjukkan sikap terbuka dan kebijaksanaan pemerintah Nguyen untuk melantik orang Cina yang berkaliber untuk membantu beliau mentadbir selatan Vietnam. Bagi orang Cina *Minh Huong* di selatan Vietnam, walaupun mereka menetap di rantau orang, namun mereka tetap memberi taat setia yang sepenuhnya kepada pemerintah Nguyen. Ketaatan orang *Minh Huong* kepada pemerintah Nguyen di selatan Vietnam boleh dilihat daripada dua sudut. Yang pertama, mereka enggan berkhidmat kepada kerajaan Qing di China. Yang Kedua, mereka ingin membalas jasa pemerintah Nguyen yang sanggup menerima mereka untuk tinggal di selatan Vietnam.

Kumpulan *Luc Tinh* juga merupakan bekas pegawai dinasti Ming yang berhijrah ke Quang Nam, selatan Vietnam selepas keruntuhan dinasti Ming pada tahun 1644. Didapati bahawa Ngo Dung Minh yang berasal dari kumpulan *Luc Tinh* (*Six clans*) juga pernah bekerja di jabatan *Cai Phu Tau* pada zaman pemerintahan Nguyen. Berdasarkan epigrafi makam beliau yang terletak di kampung *Thanh Ha*, Hoian, makam beliau dibina pada bulan lunar 12, tahun *Tan Mui*. Tahun *Tan Mui* merujuk kepada tahun ke-30 K'ang Hsi iaitu pada tahun 1691. Di Hoian, Ngo Dung Minh bekerja di jabatan *Cai Phu Tau* dengan gelaran "*Marquis of Minh Duc*".¹⁴ Perlantikan ini telah menunjukkan bahawa pengalaman pentadbiran yang ada pada bekas pegawai dinasti Ming telah digunakan sebaiknya oleh pemerintah Nguyen bagi melicinkan pentadbiran kerajaan selatan Vietnam.

¹⁴ Ibid., hlm.49.

Selain itu, didapati bahawa Tay Cong Quan yang berasal dari keluarga Tay Quoc Tuong (ahli *Thap Lao*) juga pernah dilantik sebagai “*Noi Vien*” pada zaman pemerintahan Nguyen Phuc Chu (*Ming Vuong*, 1691-1725) di Hoian.¹⁵

Banyak sumber menunjukkan bahawa wujudnya kampung-kampung *Minh Huong* di selatan Vietnam. Menurut memoir para pedagang yang datang ke selatan Vietnam pada tahun 1820-1824, terdapat pelbagai kegiatan perdagangan sejak pertengahan abad ke-18. Malah telah wujud banyak kuil dan persatuan Cina di selatan Vietnam. Jumlah kuil dan persatuan yang banyak didirikan di selatan Vietnam juga telah membuktikan bahawa ekonomi selatan Vietnam dikuasai oleh orang Cina.

Pedagang Cina di selatan Vietnam dibahagikan kepada dua kategori. Kategori yang pertama ialah pedagang Cina yang tinggal tetap atau separa-tetap di bandar-bandar pelabuhan. Mereka ini merupakan komprador kepada pemilik kapal-kapal dagang ataupun merupakan ejen syarikat perdagangan. Mereka menjual barang-barang yang dibawa oleh kapal-kapal dan mengutip serta menyediakan barang-barang tempatan untuk ketibaan kapal yang seterusnya.

Kategori kedua ialah orang Cina yang tiba di selatan Vietnam di antara Oktober dan Januari apabila angin monsun timur-laut bertiup. Mereka datang ke selatan Vietnam untuk berniaga. Pada bulan Julai hingga September, mereka kembali ke China. Namun jika mereka tinggal di sini sehingga tahun depan, ini adalah kerana barang dagangan mereka belum habis dijual pada tempoh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, pada

¹⁵ Ibid.,hlm.54.

tahun 1790-an, apabila kira-kira lapan hingga lima belas buah kapal datang dari Macao berlabuh di pelabuhan Saigon pada setiap musim, sebanyak 500 hingga 800 orang pedagang Macao dan pelayar berkumpul di sepanjang jalan di bandar untuk berniaga beberapa bulan.¹⁶

Perluasan Pengaruh Ekonomi Nguyen

Orang Cina juga memainkan peranan yang penting dalam membangunkan kawasan selatan Vietnam pada abad ke-17 hingga abad ke-18. Hal ini dapat dibuktikan di mana daripada enam wilayah yang terdapat di Cochinchina (selatan Vietnam), empat daripada wilayah tersebut telah diterokai dan dibuka oleh imigran Cina sehingga selatan Vietnam menjadi sebuah kerajaan yang maju dan makmur.¹⁷ Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa sumbangan kewangan orang Cina kepada kerajaan selatan Vietnam merupakan salah satu faktor penting yang membawa kepada kejayaan dinasti Nguyen untuk menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam.

Sumbangan orang Cina dalam ekonomi memang cukup jelas di Hoian yang merupakan sebahagian daripada empayar kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Menurut Purcell, Hoian merupakan pusat perdagangan yang pertama yang didirikan oleh imigran Cina¹⁸. Ini adalah kerana pemerintah Nguyen Hoang (1558-1613) yang mengasaskan

¹⁶ Nguyen The Anh, "Trade Relations Between Vietnam and the Countries of the Southern Seas in the First Half of the 19th Century" dalam Nguyen The Anh dan Yoshiaki Ishizawa (eds) *Trade and Navigation in Southeast Asia (14th-19th centuries)*, Paris : L'Harmattan , 1999, hlm.176.

¹⁷戴可来, 于向东, *海南杂著中所记越南华侨华人: 华侨华人历史研究*(Orang Cina di Vietnam : Kajian Sejarah Orang Cina Seberang Laut), 1997, hlm.. 47 (Dai Kelai dan Yu Xiangdong, *Hai Nan Za Zhu Zhong Suo Ji Yue Nan Hua Qiao Hua Ren* (Vietnamese Chinese in Hainan Zazhu : Overseas Chinese History Studies), No.1, Beijing, 1997, hlm.47).

¹⁸ Victor Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, London : Oxford University Press, 1965, hlm.183.

dinasti Nguyen di Thuan Hoa (Quang Nam), selatan Vietnam telah membenarkan orang Cina menjalankan perdagangan dengan pedagang asing di Hoian.

Sejak Nguyen Hoang dilantik sebagai gabenor di Thuan Hoa di selatan Vietnam pada tahun 1558, Hoian telah dibangunkan sebagai kawasan yang maju. Pada penghujung abad ke-16 hingga awal abad ke-17, Hoian telah menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang terkenal.¹⁹ Menurut catatan Da Shan, sejak gabenor Nguyen Hoang mendirikan kerajaan di Thuan Hoa, ramai orang China telah berhijrah ke selatan Vietnam untuk menjalankan kegiatan penerokaan. Orang-orang Cina yang berada di selatan Vietnam menggelar diri sebagai “*Ming Ren*” 明人 (Orang dinasti Ming) atau “*Da Ming*” 大明 (*Grand Ming*). Ini membuktikan bahawa orang Cina telah tinggal di selatan Vietnam untuk beberapa generasi.²⁰

Menurut W.J.M. Buch, sebab utama Quang Nam di selatan Vietnam berjaya menarik perhatian ramai pedagang Cina berdagang di Hoian adalah kerana Hoian merupakan pusat perdagangan yang mempunyai hubungan rapat dengan pelabuhan-pelabuhan lain di Asia Tenggara. Misalnya, lada boleh diperoleh dari Palembang, Pahang dan kawasan sekitarnya. Kapur barus dari Borneo, sementara kayu sapan, gading gajah, sarang burung, barnis dan kelembak datang dari tempat lain di Asia Tenggara. Pedagang Cina biasanya membawa kain kapas, tembikar dan barang-barang lain untuk ditukar dengan barang-barang dari negara Asia Tenggara. Seandainya

¹⁹ Phan Huy Le, “Hoi An (Faifo) – Past and Present” dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2nd Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.19.

²⁰ 大汕, 余思黎点校, *海外纪事*(Rekod Sejarah Seberang Laut), 北京: 中华书局, 2000, hlm.7 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.7).

mempunyai modal yang berlebihan, pedagang Cina akan membeli lebih banyak lada, gading gajah dan pelaga untuk dibawa balik ke negara China.

Selain sutera mentah, kain sutera, kain kapas dan tembikar, dua lagi barang China yang mendapat sambutan yang baik pada abad ke-17 di Quang Nam ialah buku-buku Cina dan tembaga. Menurut *Tung Hsi Yang Kau* (Vol.1) :

*“The local people are fond of (Chinese) books. Each time (the Chinese junks arrived), they competed to purchase the books at high price”.*²¹

Sementara menurut *Thuc Luc Tien Bien* (Vol.2, 4a), pada tahun 1617, semasa pemerintahan Nguyen Phuc Nguyen (*Chua Sai*, 1613-1635), kedua-dua kawasan Thuan Hoa dan Quang Nam tidak mempunyai lombong tembaga. Oleh yang demikian, apabila jong-jong dari wilayah Fujian, Quang Dong dan Jepun yang membawa tembaga merah sampai di kedua-dua tempat ini, pegawai kerajaan Nguyen akan membelinya dengan harga 40-50 *quan* setiap pikul.²²

Kewujudan Golongan Ejen dan Orang Tengah Cina

Selain menguruskan perdagangan sendiri, pedagang Cina juga menjadi orang tengah atau ejen di antara kerajaan Nguyen dengan Syarikat Belanda. Misalnya pada 10 Mei 1636, sebuah jong Cina sampai di Batavia dengan membawa surat rasmi Nguyen Phuc Lan (*Chua Thuong*, 1635-1648) untuk ditujukan kepada gabenor Belanda yang berada di Batavia, Indonesia.²³ Hal ini telah membuktikan bahawa pedagang Cina di

²¹ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.20.

²² Ibid.,hlm.21.

²³ Ibid.,hlm.21-22.

Hoian telah memainkan peranan yang penting dalam membantu kerajaan Nguyen Phuc Lan untuk menguruskan perdagangan di seberang laut.

Pada tahun kedua iaitu tahun 1637, memandangkan tiada kapal Belanda berlayar ke Jepun pada tahun tersebut, maka ketua pedagang kilang Belanda di Hoian yang bernama Cornelis Caesar telah mengamanahkan 357 pikul gula merah yang telah dipesan oleh kilang Belanda dari Nagasaki, Jepun kepada jong pedagang Cina yang bernama Simsingh dan 637 pikul gula merah kepada jong pedagang Cina yang bernama Bij Quan yang belayar ke Nagasaki.²⁴ Tindakan Cornelis Caesar tersebut telah membuktikan bahawa sikap kebolehpercayaan yang selama ini diamalkan oleh pedagang Cina telah menambat hati Cornelis Caesar untuk memberi tugas tersebut kepada dua orang pedagang Cina. Sebenarnya sikap kebolehpercayaan yang ada pada para pedagang Cina merupakan kunci kejayaan pedagang Cina dalam menguasai kegiatan ekonomi di selatan Vietnam.

Pada abad ke-17, Nguy Chi Diem (Nguy Cuu Su) yang berasal dari Foochow, China telah berhijrah ke Hoian. Beliau telah tinggal di Hoian dari tahun 1654 hingga tahun 1672. Di sini beliau berkahwin dengan wanita Vietnam yang bernama Vi Thi Nghi. Di Hoian, Nguy Chi Diem telah berjaya mengumpul kekayaannya melalui perdagangan di antara Quang Nam dengan Jepun yang menguntungkan.²⁵ Data ini telah menunjukkan bahawa selain pedagang Hokkien, terdapat juga pedagang Foochow di Hoian.

²⁴ Ibid., hlm.23.

²⁵ Ibid., hlm.50.

Selain itu, berdasarkan epigrafi yang terdapat pada makam Nguy Nguyen Du dan Nguy Chi Phuong di Tra Nhieu Nam, Hoian, kedua-dua orang adik-beradik tersebut berasal dari kumpulan *Luc Tinh* iaitu kumpulan keluarga Nguy yang berasal dari Futsing (Phuc Thanh) di kawasan Foochow, wilayah Fujian. Kedua-dua makam tersebut didirikan pada tahun 1696. Sekali lagi, data ini telah memberi gambaran bahawa terdapatnya penduduk Foochow di Hoian pada abad ke-17.²⁶

Khong Thien Nghi juga merupakan seorang pedagang Cina yang bertapak di Hoian. Semasa beliau berada di Hoian, beliau merupakan kapten jong Cina yang mengetuai lebih kurang 60 orang pedagang. Pada tahun 1689, Khong Thien Nghi meninggalkan Hoian. Namun, dalam perjalanan, kapal beliau terbalik akibat ribut taufan dan akhirnya terbengkalai di Pho Da Son pada hari ke-13 bulan lapan kalendar lunar. Akibatnya beliau terpaksa berhenti belayar untuk beberapa bulan untuk memperbaiki kapalnya. Pada tahun 1690, Khong Thien Nghi dan rakan-rakannya meninggalkan Ningpo dan sampai di Nagasaki.²⁷

Menurut *Ka I Hen Tai*, terdapat beberapa orang ahli dari kumpulan keluarga Hua juga sering berulang-alik dari Hoian ke Nagasaki. Mereka ini merupakan pemilik jong atau separa pemilik jong pada akhir 1680-an. Misalnya Hua Trinh Quan merupakan pemilik jong Quang Nam pada tahun 1688. Manakala Hua Thuong Quan adalah pemilik jong dan Hua Man Quan pula merupakan separa pemilik jong pada tahun 1690. Pada tahun 1691 pula, Hua Thuong Quan merupakan pemilik jong Quang Nam. Menurut Chen Chingho, semua pedagang ini merupakan kumpulan *Luc Tinh*.

²⁶ Ibid.

²⁷ Ibid., hlm.46-47.

Menurut Chau My Xuyen, terdapat perbezaan di antara *Thap Lao* dan *Luc Tinh*. *Thap Lao* merupakan penduduk kampung *Minh Huong* yang berkhidmat sebagai pegawai kerajaan. Sementara *Luc Tinh* ialah kumpulan penduduk yang lebih tua dan masyhur di kampung *Minh Huong* dan mereka biasanya terlibat dalam kegiatan perdagangan.²⁸

Selain itu, golongan *Tam Gia* yang terdiri daripada Tay Quoc Tuong, Ngo Dinh Khoan dan Truong Hoang Co juga merupakan pedagang dan dermawan yang terkenal di kampung *Minh Huong*, Hoian. Mereka merupakan pemimpin tempatan dan penaung kepada tokong Quan Thanh dengan sentiasa membuat kerja-kerja amal dan membantu golongan miskin, tanpa memikirkan kemashyuran dan kepopularan sendiri. Sumbangan mereka juga dapat dilihat apabila ketiga-tiga tokoh tersebut menderma duit untuk membaiki dan memelihara tokong Quan Thanh pada tahun 1753.²⁹

Sumbangan *Tam Gia* kepada kampung *Minh Huong* cukup besar. Mereka merupakan golongan kaya di kampung *Minh Huong* pada pertengahan abad ke-18 dan menjaga kebajikan komuniti *Minh Huong*. Mereka telah memberi perkhidmatan yang cemerlang seperti membaiki tokong Quan Thanh serta memperkenalkan sistem pejabat tanah. Mereka menebus guna tanah terbiar untuk penanaman, memperluas kawasan kediaman serta menggalak lebih ramai pedagang datang berniaga di Hoian.³⁰ Maka jelas bahawa selain daripada menjadi pedagang yang terkenal, mereka juga memberi sumbangan yang besar kepada orang Cina dan orang *Minh Huong*.

²⁸ Ibid.,hlm.50-51.

²⁹ Ibid.,hlm.51.

³⁰ Ibid.,hlm.52.

Berdasarkan *Truong Thi Lich Dai Ton Do (Chronological tablet of the Truong clan)* yang disimpan di tokong nenek moyang Truong di Jalan Phan Chu Trinh, Hoian, kawasan asal keluarga Truong ialah wilayah Fujian, China. Rekod keturunan ini telah mendedahkan bahawa keluarga Truong telah bertapak di Quang Nam untuk tiga generasi sebelum Truong Hoang Co yang merupakan ahli *Tam Gia*. Dikatakan bahawa tiga generasi keluarga Truong (Tay Tuyen Cong, Truong Duy Toan dan Truong Minh Kha) tinggal di Tra Nhieu, Hoian. Truong Hoang Co juga dikenali sebagai “*Khach Thanh*”. Menurut Chen Chingho, isteri Truong Hoang Co yang bernama Ton Thi Gia mungkin merupakan orang Cina.

Truong Minh Kha iaitu bapa kepada Truong Hoang Co sering menemannya ke China untuk berdagang. Pada tahun 1757, Truong Hoang Co mendirikan tokong nenek moyang di Hoian dan di kampung An Nhan, Quang Nam. Truong Hoang Co merupakan seorang pedagang yang berjaya dan kaya melalui perdagangan di antara orang Cina dengan orang Vietnam. Beliau juga adalah pengikut setia fengshui yang mempercayai bahawa lokasi kubur nenek moyang akan mempengaruhi kehidupan anak cucunya. Oleh yang demikian, beliau telah membeli sebidang tanah di kawasan pergunungan di kampung Tra Kieu dan menjemput pakar fengshui dari China untuk menentukan kawasan yang baik sebagai tapak perkuburan ahli keluarga. Akhirnya, beliau telah memindah semua kubur ahli keluarganya ke Tra Kieu.

Truong Hoang Co yang merupakan generasi keempat keluarga Truong telah berhijrah ke selatan Vietnam sebagai pedagang dan tinggal tetap di kampung *Minh Huong*. Hal ini membuktikan bahawa wujudnya satu pola di mana ramai pedagang Cina

mengabaikan kedudukan sosial sebagai *Hai Khach* (pedagang laut) atau *Kieu Ngu* (orang asing seberang laut) dan nama mereka didaftarkan di kampung *Minh Huong*.³¹ Oleh yang demikian, kehidupan Truong Hoang Co menggambarkan corak kediaman orang Cina dalam proses pembentukan jumlah penduduk di kampung *Minh Huong*.

Semasa Da Shan berada di Thuan Hoa dan Hoian pada Ogos 1694 hingga November 1695, beliau mendapati bahawa ramai pedagang Cina Hokkien yang berasal dari wilayah Fujian, China berniaga di kedua-dua tempat ini. Di Hoian, Jalan Tang Besar (*Great Tang Street*, kini digelar sebagai Jalan Tran Phu) yang panjangnya tiga hingga empat *li* (1.5-2.0 kilometer) yang menyusuri sungai Thu Bon merupakan tempat berkumpulnya pedagang Cina Hokkien. Perkataan *Tang* di sini merujuk orang Cina iaitu *Tang Ren*. Orang yang tinggal di sepanjang jalan ini semuanya terdiri daripada pedagang Cina yang berasal dari wilayah Fujian. Mereka memakai pakaian dinasti Ming. Ini menunjukkan bahawa orang Cina di Hoian masih mengekalkan identiti mereka sebagai orang *Minh Huong* (orang Cina dinasti Ming). Di Hoian, para pedagang Cina berdagang dengan kaum wanita tempatan (orang Vietnam) yang bijak berniaga. Kecekapan kaum wanita tempatan dalam perniagaan telah menarik perhatian pedagang Cina untuk berkahwin dengan mereka untuk memudahkan segala urusan perdagangan.³² Hal ini menunjukkan bahawa para pedagang Cina bijak menggunakan segala strategi yang boleh membantu mereka berjaya dalam perdagangan.

³¹ Ibid., hlm.53-54.

³² 大汕, 余思黎点校, *海外级事* (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷四, 北京: 中华书局, 2000, hlm.80 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.4, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.80).

Pedagang-pedagang Cina mempunyai kedudukan yang penting di Hoian. Mereka menguasai kapal-kapal pedagang Cina dari Jepun, Quanzhou, Siam, Khmer, Manila dan Batavia yang datang bersinggah di Hoian setiap tahun. Pada abad ke-18 iaitu pada tahun 1740-an, lebih kurang 80 buah kapal dagang Cina kembali berdagang di Hoian. Keadaan ini hanya kekal sehingga tahun 1770 disebabkan tercetusnya pemberontakan Tay Son pada tahun 1771 di Binh Dinh yang merupakan sebahagian daripada wilayah kerajaan Nguyen.³³

Orang Cina bukan sahaja datang berniaga di selatan Vietnam tetapi juga menetap di Hoian. Pada tahun 1750, terdapat kira-kira 10,000 orang Cina di Hoian yang bekerja sebagai peniaga kecil dan sebagai buruh yang bekerja di jong pemerintah Nguyen atau sebagai pedagang besar yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa.³⁴

Menurut *Hai Ngoai Ky Su (Hai Wai Ji Shi)* yang ditulis oleh Da Shan, sepanjang abad ke-16, sudah terdapat para pedagang Cina datang ke selatan Vietnam dengan menaiki perahu kayu pada musim tiupan angin dari utara. Malah terdapat sebilangan kecil daripada pedagang Cina tinggal di selatan Vietnam. Pada awal abad ke-17, terdapat sebilangan orang Cina mula mendirikan keluarga di sini.³⁵

³³ Choi Byung Wook, *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841), Central Policies and Local Response*, Ithaca : Cornell University, 2004, hlm.20 dan Nguyen The Anh, *Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long* (Orang Cina di Dataran Mekong) dalam *Nghien Cuu Hue*, Tap Bon, Trung Tam Nghien Cuu Huu, 2002, hlm.104.

³⁴ Nguyen The Anh, "Trade Relations Between Vietnam and the Countries of the Southern Seas in the First Half of the 19th Century" dalam Nguyen The Anh dan Yoshiaki Ishizawa (eds) *Trade and Navigation in Southeast Asia (14th-19th centuries)*, Paris : L'Harmattan , 1999, hlm.176.

³⁵ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Ngoai Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.14.

Menurut Chen Chingho, kampung *Minh Huong* wujud kira-kira dari tahun 1645 hingga tahun 1653. Kampung *Minh Huong* Hoian merupakan kampung *Minh Huong* yang pertama di Vietnam. Malah menurut beliau, kesemua 36 wilayah di Vietnam sudah mempunyai kampung *Minh Huong*.³⁶ Pada abad ke-16 dan abad ke-17, Hoian merupakan tempat pertemuan bagi imigran dan para pedagang terutamanya dari China dan Jepun. Pada abad ke-17, terdapat dua kawasan petempatan utama di Hoian. Satu adalah untuk orang Jepun dan satu lagi adalah untuk orang Cina. Kedua-dua tempat tersebut mempunyai gabenor dan peraturan masing-masing. Kedua-dua tempat tersebut bagai dua bandar di Hoian.³⁷

Proses Penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam telah bermula sejak abad ke-16. Kewujudan kampung *Minh Huong* yang ketara adalah pada abad yang ke-17. Kebanyakan orang Cina yang datang ke selatan Vietnam melalui jalan laut adalah pedagang. Mereka selalu berniaga di atas sungai. Malah pasar telah diwujudkan untuk tujuan mengurus niaga.

Sejak abad ke-16, orang Cina telah bergiat aktif dalam perdagangan di pelabuhan Hoian. Pedagang Cina yang tinggal di Hoian mempunyai ketuanya yang digelar gabenor. Orang Cina di sini hidup berpandukan undang-undang di China. Seorang mubaligh Kristian Itali yang bernama Christoforo Borri yang pernah tinggal di Dang Trong (Cochinchina atau selatan Vietnam) dari tahun 1618 hingga tahun 1621 telah menulis tentang Hoian seperti berikut :

³⁶ Ibid.

³⁷ Phan Huy Le, "Hoi An (Faifo) – Past and Present" dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2nd Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.20.

... Nevertheless the main port is the one of the province of Cacciam (Ke Chiem, in other words dinh Quang Nam). One enters this port from two openings onto the sea : one is called Pullociampello (Cu lao Cham, across from Dai Chiem), the other Tournon (Tourane or Danang), which are at the begining three or four leagues apart and then separate further as they go inland becoming two rivers. They eventually become one river, on which one encounter vessels which have sailed on either one or the other of its parts.

There, the king of Cochinchina granted concessions to Japanese and Chinese. The size of which was proportionate to their number, in order to create a city where the much talked-about fair would be held.

The city is called Faifo : it is a fairly large one as one part belongs to the Chinese another to the Japanese; they live separately, each having their own governor, the Chinese living according to the laws of China, the Japanese according to those of Japan.³⁸

Pendeta Buddha dan penulis Cina yang bernama Da Shan (Thich Dai San) telah sampai di ibu kota Hue pada 13 March 1695. Pada 7 Ogos 1695, beliau meninggalkan pagoda di Hue ke Hoian untuk pulang ke Quang Dong, China. Beliau menggambarkan majoriti orang Cina yang berada di Hoian berasal dari wilayah Fujian, China. Mereka memakai pakaian dinasti Ming. Kebanyakan kaum wanita menguruskan urusanniaga perdagangan. Pada umumnya, kaum lelaki Cina mengahwini wanita tempatan (orang Vietnam) untuk memudahkan rundingan perniagaan.³⁹ Ini merupakan salah satu faktor kejayaan orang Cina dalam perdagangan.

³⁸ Nguyen Dinh Dau, "The Birth and the Historic Evolution of Hoi An" dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2nd Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.118.

³⁹ 大汕, 余思黎点校, *海外级事* (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷四, 北京: 中华书局, 2000, hlm.80 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.4, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.80)

Malah wanita tempatan berperanan sebagai orang tengah dalam perniagaan persendirian di antara pedagang Cina dengan penduduk kawasan pedalaman untuk mendapatkan barang perdagangan. Menurut Da Shan, pedagang Cina lelaki yang berdagang di Hoian meminta isteri mereka menguruskan perdagangan dan tanpa mereka, perdagangan tidak dapat dijalankan.⁴⁰ Hal ini membuktikan bahawa wanita Vietnam memainkan peranan yang penting dalam perdagangan orang Cina di Hoian.

Menurut Da Shan:

Along the coastline, the rocks are rugged; a band of monkeys gambol in the trees; there are wild flowers and fruits of every color everywhere. Seen from afar the shore resembles a sea of masts, and one learns that these are junks transporting supplies anchored awaiting the wind.

Hoi An is a big sea port, a meeting place for merchants from many countries. The main road (Dai duong cai), 3 to 4 leagues long runs along the bank of the river : it is bordered on both sides by closely built houses inhabited by people who came from Fujian. They wear the clothing of the previous dynasty (Ming). Most of the women take care of the commercial dealings. Chinese residents generally married many local women in order to facilitate their negotiations.

The street ends at the Japanese bridge in other words Cam Pho : on the other bank, at Tra Nhieu, foreign vessels moored. The population density is very high all day, people buy and sell vegetables, fish, fruits and shell-fish. Here, one can find medications which do not exist in the capital Thuan Hoa. The city is close to the sea on three sides – to the east, south and north : the west a mountainous region, a road links Tay Viet (western Vietnam) to Dong Kinh (Tonkin); a type of garrison to defend against foreigners is about ten leagues from the city.⁴¹

⁴⁰ Charles J. Wheeler, "Cross-Cultural and Trans-Regional Network in the Port of Hoi An : Maritime Vietnam in the Early Modern Era", PhD Thesis, Yale University : Faculty of the Graduate School, 2001, hlm. 143.

⁴¹ 大汕, 余思黎点校, *海外纪事*(Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷四, 北京: 中华书局, 2000, hlm.80 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.4, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.80) dan Nguyen Dinh Dau, "The Birth and the Historic Evolution of Hoi An" dalam

Di kawasan Gia Dinh, peranan orang Cina yang paling menonjol adalah penglibatan dalam aspek pembekalan barang-barang dan pembuatan. Dari tahun 1789, pedagang Cina menjalankan urusan besi, timah hitam (plumbum) dan sulfur sehingga ke Gia Dinh untuk menukar dengan barang-barang China seperti beras, kain kapas dan sutera mentah. Memandangkan sempadan jajahan Gia Dinh telah diperluaskan ke utara, maka kawasan ini mula mengalami ketidakstabilan harga beras. Untuk menyelesaikan masalah tersebut, maka kerajaan terpaksa mengimport beras dari Siam. Apabila pemimpin Gia Dinh membuat keputusan untuk mengimport beras pada tahun 1791, *thanh nhan* mendapati bahawa mereka perlu bergantung pada orang Cina *Minh Huong*.⁴²

Selain itu, barang-barang dari Tran Ninh, Qui Hop, Lac Hoan dan Van Tuong telah dibawa masuk ke Cam Lo sejak tahun 1621 dan kemudian dijual di Thanh Ha atau Hoian. Ini tidak termasuk perdagangan yang dijalankan oleh pedagang China, Jepun, Belanda dan negara-negara lain yang menjalankan ususiaga eksport dan import di antara Thanh Ha dan Hoian.⁴³

Hoian yang terletak di wilayah Thiam (pusat bekas tanah jajahan Champa) merupakan pelabuhan entreport. Ia terletak di tepi sungai yang mengalir ke laut sepanjang dua *li* (1 kilometer). Jong-jong China dan bot-bot tempatan dapat berlabuh dengan mudah dan dapat memuat serta memunggah barang dengan senang di sepanjang

Ancient Town of Hoi An, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2nd Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.118.

⁴² Choi Byung Wook, *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841), Central Policies and Local Response*, Ithaca : Cornell University, 2004, hlm.41.

⁴³ Do Bang, "The Relations and Pattern of Trade Between Hoi An and the Inland" dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium held in Danang on 22-23 March 1990 (2nd Impression), Hanoi : The Gioi Publishers, 1993, hlm.151.

pangkalan. Hoian merupakan tempat kediaman ejen-ejen Cina serta para pedagang yang berniaga di sini. Pada waktu itu, pelbagai jenis barang dari China yang diperlukan oleh penduduk Cochinchina dapat dicari daripada pedagang China. Sebaik sahaja habis menjual barang dagangan, maka jong-jong China akan meninggalkan Hoian dan balik ke negara mereka. Yang baki ialah barang-barang yang berkualiti rendah.⁴⁴

Menurut seorang pedagang Kantonis yang bernama Chen, perjalanan dari Guangzhou ke Thuan Hoa dan Quang Nam hanya memerlukan enam hari melalui jalan laut. Kemudian, para pedagang akan meneruskan perjalanan sama ada ke pelabuhan Han yang terletak di Sungai Phu Xuan (Huong Giang) dan seterusnya ke bandar Thanh Ha yang merupakan pusat perdagangan yang berkembang pada penghujung abad ke-17. Bandar Thanh Ha terletak di utara Hue pada zaman sekarang.⁴⁵ Perjalanan yang pendek ini telah menggalakkan kegiatan perdagangan di antara pedagang China dengan pedagang Cina di Hoian.

Pada abad ke-17, apabila semakin ramai orang China berhijrah ke selatan Vietnam, maka wujudlah isu kewarganegaraan untuk membezakan mereka. Malah pada tahun 1834, raja Minh Mang membahagikan orang Cina kepada dua golongan iaitu orang *Minh Huong* dan orang Cina dinasti Qing.

Sejak penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam, para pedagang Cina yang datang berniaga di selatan Vietnam telah berkumpul di kampung-kampung dan bandar-

⁴⁴ Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong), 1602-1777*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.94.

⁴⁵ Ibid., hlm.116.

bandar sehingga terbentuk beberapa buah bandar orang Cina dan pasar Cina. Apabila terdapat semakin ramai pedagang Cina berada di selatan Vietnam, pelbagai perniagaan dan pekerjaan tradisional telah wujud.

Semasa pemerintahan Tay Son, orang Cina di selatan Vietnam telah mengalami banyak cabaran dan malapetaka. Lebih daripada sepuluh ribu orang Cina di Cholon telah dibunuh oleh tentera Tay Son kerana mereka membantu pemerintah Nguyen Phuc Anh untuk melawan pasukan tentera Tay Son. Pada zaman pemerintahan Nguyen Phuc Anh pada tahun 1780, beliau menggunakan orang Cina untuk berperang dengan Tay Son. Namun pada tahun 1788 di Gia Dinh, Nguyen Phuc Anh telah memberi arahan agar mendaftar nama orang Cina dan mengumumkan undang-undang cukai orang Cina di setiap kampung *Minh Huong* di Thua Thien (Hue) serta di setiap wilayah. Setiap orang Cina perlu membayar cukai tahunan sebanyak dua tahlil perak. Sementara orang Cina yang tua dan cacat perlu membayar satu tahlil perak.⁴⁶

Dalam proses mendirikan kerjaya, orang Cina mempunyai persamaan dari segi pekerjaan kemahiran seni tangan, psikologi serta berpegang teguh pada prinsip amanah. Dalam hal perniagaan, orang Cina akan menjaga rahsia kerjaya mereka agar dapat bersaing dengan peniaga lain dan pada waktu yang sama menyesuaikan diri dengan dasar ekonomi kerajaan tempatan. Orang Cina juga akan mewujudkan pakatan atau kerjasama dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang pekerjaan. Pakatan ini bertujuan menghapuskan persaingan dan seterusnya dapat menyelaraskan harga barang di pasaran. Maka wujudnya nilai tolong-menolong dalam kalangan orang Cina demi

⁴⁶ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.16-17.

kemajuan bersama. Justeru itu, wujudlah persatuan-persatuan seperti "Persatuan Perubatan" dan "Persatuan Emas". Setiap persatuan yang ditubuhkan melambangkan profesion yang berbeza. Oleh yang demikian, wujudnya banyak persatuan perdagangan di setiap kawasan perdagangan. Kemudian terbentuklah beberapa dewan perniagaan seperti Persatuan Perdagangan Vietnam-China dan Dewan Perdagangan Cholon untuk memajukan perdagangan orang Cina di selatan Vietnam. Pada tahun 1925, wujudnya Dewan Perdagangan Orang Cina di Vietnam. Persatuan Perdagangan Vietnam-China yang ditubuhkan pada awal abad ke-20 bertujuan memajukan perdagangan orang Cina di Vietnam.⁴⁷

Pada peringkat awal, kegiatan Dewan Perdagangan Orang Cina mempunyai ciri-ciri setempat terutamanya di Saigon-Cholon. Selepas itu, Dewan Perdagangan Orang Cina telah ditubuhkan di pelbagai tempat di selatan Vietnam dan kemudian di seluruh negara Vietnam. Fungsi dan matlamat Dewan Perdagangan Orang Cina adalah memberi nasihat, memeriksa dan mengawal pengurusan setiap aktiviti profesion ekonomi. Lama-kelamaan, fungsi Dewan Perdagangan Orang Cina telah melebihi daripada matlamat asalnya. Ia berfungsi bukan sahaja sebagai sebuah pertubuhan ekonomi, malah juga bergiat aktif dalam politik, sosial dan hubungan luar. Hampir semua ahli Dewan Perdagangan adalah terdiri daripada para peniaga Cina yang berpengaruh. Oleh yang demikian, Dewan Perdagangan telah menjadi badan yang memimpin dan mengawal setiap aktiviti perdagangan orang Cina.⁴⁸ Untuk mengekalkan prestij komuniti, orang Cina menekankan kepentingan perpaduan, saling menyayangi dan menjaga amanah

⁴⁷Ibid., hlm.26.

⁴⁸Ibid.

terutamanya dalam bidang perdagangan.⁴⁹ Kawasan petempatan orang Cina biasanya di bandar-bandar besar, kawasan perniagaan, kawasan perindustrian, kawasan yang padat dengan penduduk dan kawasan delta.

Menurut Dao Trinh Nhat, orang Cina di Nam Ky (selatan Vietnam) merupakan bangsa yang rajin dan tahan lasak. Mereka tidur lewat dan bangun pada awal pagi. Mereka bekerja sepanjang hari bagai tidak mengenal penat lelah. Oleh yang demikian, banyak ladang tanaman, kilang-kilang dan sektor perkapalan laut mengupah orang Cina. Ini adalah kerana mereka ini tahan lasak dan dapat membuat kerja-kerja yang tidak dapat dibuat oleh orang Vietnam.⁵⁰

Orang China yang miskin terpaksa meninggalkan kampung halamannya di China untuk mencari rezeki di selatan Vietnam. Oleh yang demikian, mereka sanggup membuat apa sahaja pekerjaan demi menyara kehidupan mereka seperti buruh paksa, pelayan, menjual dan membeli botol, kerja memecahkan tanah, porter dan kuli. Sikap sabar merupakan kekuatan orang Cina yang menolong mereka mengatasi segala kesusahan dan menjadi lebih maju. Selain itu, semangat tolong-menolong dalam kalangan orang Cina juga banyak membantu mereka menghadapi sebarang cabaran.⁵¹

Buku *Gia Dinh Thanh Thong Chi* telah menerangkan dengan jelas tentang beberapa kawasan yang diterokai oleh orang Cina iaitu jika mereka tinggal di tepi gunung, maka hidup mereka bergantung kepada kegiatan gunung. Jika mereka tinggal di tepi sungai, maka kegiatan mereka bergantung kepada kegiatan sungai. Majoriti

⁴⁹ Ibid.,hlm.33.

⁵⁰ Ibid.,hlm.62-63.

⁵¹ Ibid.,hlm.63.

orang Cina yang tinggal di selatan Vietnam merupakan orang yang miskin. Mereka merupakan tenaga buruh yang rajin dan sabar. Selain itu, orang Cina juga terlibat dalam pekerjaan seperti pengumpulan garam dan besi. Kedua-dua jenis pekerjaan tersebut telah berkembang maju di bandar Vinh Thanh dan Bien Hoa.

Masyarakat Cina dalam Penerokaan Selatan Vietnam

Selain itu, orang Cina juga memainkan peranan penting dalam bidang penerokaan, pertanian, perhutanan, perikanan, pertukangan kayu dan tender. Di selatan Vietnam, orang Cina banyak membeli tanah yang berharga di Cholon-Binh Tay untuk mendirikan rumah dan pasar. Kegiatan perdagangan orang Cina agak berdikari. Mereka menguasai sebahagian besar ekonomi di selatan Vietnam terutamanya dalam bidang perdagangan, pembuatan kraf tangan, perkapalan dan perkhidmatan kewangan. Malah pedagang Cina telah mendirikan syarikat pengeluaran barang kegunaan harian di bandar-bandar besar. Secara umumnya, orang Cina mempunyai pengaruh yang kuat dalam bidang perdagangan. Di selatan Vietnam, bidang pengeluaran dan perkapalan dikuasai oleh orang Cina keturunan Teochieu, Hokkien dan Quangdong.

Setiap suku kaum Cina mempunyai kemahiran yang berbeza. Misalnya, orang Teochieu hidup bertani dan menguasai tanah pertanian. Mereka memberi tumpuan dalam penanaman sayur-sayuran, bawang putih, turnip serta dalam bidang penternakan seperti membela ayam, itik, khinzir dan lembu. Selain itu, mereka juga bergiat aktif dalam bidang pengangkutan air, penangkapan ikan, pembuatan sos ikan, penanaman lada, tebu, jut, kacang hijau, teh dan buah-buahan. Sementara orang Hokkien

memonopoli pembelian beras muda. Mereka memberi pinjaman wang kepada petani pada musim menuai untuk melakukan kegiatan menuai.⁵²

Oang Cina banyak mendirikan syarikat perniagaan besar di selatan Vietnam serta memberi pertolongan di antara satu sama lain dalam kalangan usahawan Saigon-Cholon. Pada abad ke-17, Cholon muncul sebagai salah sebuah pusat perdagangan terbesar di Asia Tenggara. Malah pada tahun 1920-1930, Cholon telah menjadi bandar perdagangan utama orang Cina. Banyak stor perniagaan besar telah didirikan untuk menjual dan membeli beras, buah-buahan, kerbau, lembu, ayam, itik, sos ikan, garam dan hasil pertanian yang dikeluarkan di Saigon-Cholon dan bandar-bandar dataran sungai Mekong.

Di kawasan petempatan orang Cina, munculnya ramai orang kaya tempatan seperti Hua Bon Hoa, Quach Dam dan Trieu Tuong. Quach Dam merupakan seorang jutawan Cina yang telah menggunakan duit sendiri untuk mendirikan pasar. Pasar tersebut dinamakan sempena nama beliau. Kini, ia dikenali sebagai pasar Binh Tay. Selain itu, wujudnya hubungan perdagangan antara jutawan Cina keturunan Hokkien, Quangdong dan Teochieu di Vietnam. Kapal-kapal dagang Cina dari seberang laut singgah di Asia Tenggara dan berlabuh di pelabuhan Saigon. Hasil keluaran Saigon seperti getah, teh, lada, ikan kering dan hasil pertanian yang lain dieksport ke Singapura dan Hong Kong. Misalnya 60% getah telah dieksport ke Perancis. Dari segi pengangkutan pula, orang Cina telah memonopoli penghantaran barang-barang dari kawasan barat di selatan Vietnam ke Saigon dan dari Saigon ke Dataran Tanah Tinggi.

⁵² Ibid., hlm.36-37.

Malah orang Cina di Saigon-Cholon telah memonopoli perdagangan antara selatan Vietnam dengan orang Cina Kambija dan Laos.⁵³ Akibatnya wujudnya jurang pendapatan yang jauh berbeza di antara orang Cina dengan orang Vietnam. Pendapatan orang Cina jauh lebih tinggi berbanding dengan kaum lain di Vietnam.

Setiap suku kaum Cina mempunyai perasaan kuat untuk mempertahankan amalan tradisi kebudayaan masing-masing berdasarkan suku kaum mereka. Misalnya komuniti Quangdong tidak boleh berkompromi dengan komuniti Hokkien. Sementara komuniti He tidak boleh berkompromi dengan komuniti Teochieu. Namun, setiap komuniti mempunyai aspek yang boleh dibanggakan dan setiap orang dalam komuniti tersebut akan berusaha memelihara dan mengembangkan aspek tersebut.⁵⁴

Walau bagaimanapun, dalam mencari rezeki, setiap suku kaum Cina tidak pernah melakukan perkara yang tidak bermoral kepada suku kaum Cina yang lain dalam bidang perniagaan. Seandainya terdapat kontroversi dalam kalangan orang Cina, maka ketua setiap suku kaum Cina akan mengadakan perjumpaan untuk menyelesaikan kontroversi tersebut secara damai agar tiada sesiapa yang kalah dalam kontroversi tersebut.⁵⁵ Selain itu, penyelesaian kontroversi secara damai juga amat penting untuk menjaga nama baik masyarakat Cina di Vietnam.

Sejauhmana semangat tolong-menolong antara satu sama lain yang ada pada orang Cina dapat dikekalkan bergantung pada pengurusan diplomatik setiap suku kaum Cina. Dalam hal ini, ketua komuniti bagi setiap suku kaum memainkan peranan yang

⁵³ Ibid., hlm.37-38.

⁵⁴ Ibid., hlm.63.

⁵⁵ Ibid., hlm.64.

penting. Biasanya ketua komuniti ini terdiri daripada mereka yang kaya, berprestij tinggi, berakhlak tinggi dan murah hati. Ketua komuniti ini diiktiraf dan dihormati oleh komuniti mereka. Tugas ketua komuniti bagai seorang ketua keluarga, berperanan menjaga ahli komuniti bagai anak-anak di rumah dan ahli komuniti perlu mendengar nasihat ketua komuniti.⁵⁶

Selain itu, orang Cina juga terkenal dalam perkara melindungi kerjaya mereka terutamanya dalam hal menjaga rahsia warisan keluarga. Mereka hanya mengajar rahsia kejayaan kerjayanya kepada anak lelaki terutamanya anak lelaki sulung. Anak lelaki sulung dalam keluarga mempunyai tanggungjawab untuk memelihara dan mempertahankan rahsia warisan keluarga. Bagi orang Cina, mempertahankan rahsia kejayaan kerjaya merupakan satu tindakan mempertahankan monopoli mereka dalam sesuatu bidang pekerjaan terutamanya dalam bidang perniagaan. Maka wujudlah satu cara perniagaan tradisi iaitu “bapa menyerahkan kerjaya kepada anak kandung” (*Cha truyen con noi*). Malah ada orang mengatakannya sebagai tamadun dalam perniagaan (*Van Minh Thuong Nghiep*) orang Cina. Tamadun perniagaan ini melibatkan amanah, kewujudan hubungan yang mesra dan bertimbang rasa dalam perniagaan.⁵⁷ Sementara kaum perempuan hanya bertanggungjawab melahirkan anak, membuat kerja-kerja dapur atau membantu suami dan anak lelaki, membantu abang dan adik sendiri ataupun membantu abang dan adik suami dalam mencari rezeki. Dalam banyak keadaan, apabila suami adalah anak sulung dan meninggal dunia, maka isteri harus berkahwin dengan adik lelaki suami untuk tujuan memelihara keturunan dan harta benda keluarga.⁵⁸

⁵⁶ Ibid.,hlm.65.

⁵⁷ Ibid.,hlm.67.

⁵⁸ Ibid.,hlm.65.

Rumusan

Sumbangan orang Cina dalam bidang ekonomi di selatan Vietnam memang tidak dapat dinafikan. Kebijaksanaan orang Cina dalam perdagangan bukan sahaja memajukan selatan Vietnam, malah telah dilantik oleh pemerintah Nguyen untuk memegang jawatan yang berkaitan dengan perdagangan dalam pentadbiran selatan Vietnam.

Tambahan pula, hubungan yang baik di antara kerajaan Nguyen dengan China juga juga merupakan faktor kemajuan ekonomi selatan Vietnam. Walaupun kerajaan Qing mengeluarkan perintah yang melarang kapal-kapal Cina belayar ke seberang laut di antara tahun 1655 dan 1684, namun ia tidak menjejaskan sepenuhnya kegiatan perdagangan di selatan Vietnam. Hal ini berkait rapat dengan pihak berkuasa wilayah Fujian dan wilayah Quangdong di China menggalakkan perdagangan dengan kerajaan Nguyen memandangkan kedua-dua buah kawasan tersebut mengalami kekurangan hasil bijirin. Maka pedagang China terpaksa mengimport beras dari Quang Nam terutamanya dari kawasan Gia Dinh.